

Pelaksanaan Indeks Pembangunan Ummah (MUDI) : Keperluan Dalam Konteks Maqasid Syariah

Fadilah Binti Mat Nor
Fakulti Pengurusan & Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
fadilahmn@kuis.edu.com

ABSTRAK

Kertas kerja ini akan membincangkan tentang keperluan dan cabaran penggunaan Indeks Pembangunan Ummah (MUDI) dalam mengukur kemampuan ekonomi ummah di Malaysia secara amnya. Indeks ini adalah alternatif yang mengukur tiga komponen utama iaitu Indeks Pembangunan ekonomi, Indeks Pembangunan Sosial dan Indeks Pembangunan Kerohanian Umat Islam. Perbincangan juga adalah berkisarkan pengenalan terhadap MUDI itu sendiri, keperluan mengukur kemampuan ekonomi ummah berlandaskan MUDI, serta penialain subindeks yang sesuai mengikut lima dimensi yang dituntut dalam maqasid syariah. dan alternatif kepada Indeks Pembangunan Manusia (HDI). Kertas kerja menjangkakan akan memberi beberapa implikasi kepada pengamal ekonomi amnya.

Kata Kunci: Indeks Pembangunan Ummah, Indeks Pembangunan Ekonomi, Pembangunan Sosial, Pembangunan Rohani, Ekonomi Ummah, Kayu Ukur Ekonomi.

Pengenalan

Pembangunan dari perspektif barat seperti Teori Marxis contohnya hanyalah tertumpu kepada konsep kebendaan. Ianya adalah bersamaan dengan teori kapitalis yang menafikan peranan agama dalam konsep pembangunan. Malah agama dianggap penghalang kepada sesebuah pembangunan. Hal ini adalah bertentangan dengan teori Pembangunan Islam yang meletakkan manusia di tengah-tengah fokus proses ekonomi. Islam menganggap bahawa pembangunan ekonomi merupakan latihan fizikal dan usaha kerohanian diri manusia (Nyang, 1976: 12). Bermakna kegiatan ekonomi yang diceburinya bukan untuk dirinya sendiri sahaja, sebaliknya manusia yang mempunyai tugas dan tanggungjawab terhadap Penciptanya merasa perlu untuk membangunkan akhlak dan rohaninya. Oleh itu Pembangunan Islam merangkumi pembangunan jasmani (Kebendaan), dan kerohanian (termasuk fikiran)

Falsafah Pembangunan Islam

Pendekatan Islam terhadap pembangunan mempunyai asas falsafah yang tersendiri yang terdiri daripada Tauhid *rubbubiyah*, *uluhiyyah*, *khalifah* dan *tazkiyyah*¹. *Rubbubiyah* ialah konsep tauhid yang bermaksud hanya Allah yang wajib diesakan kerana Dialah yang menciptakan, mentadbir, menghidupkan, mematikan, memberi rezeki, dan penentu qadar qada' hambanya². Bermakna segala usaha manusia terhadap pembangunan itu hanyalah sebagai *asbab* sedangkan natijah mutlaknya adalah dari Allah SWT. Hal ini perlu difahami dengan mendalam iaitu Berjaya atau tidak sesuatu program pembangunan, miskin atau kaya, berkesan atau tidak sesuatu itu adalah penentuan mutlak dari Allah SWT. Lantaran itu, hasil bagi setiap usaha pembangunan perlu dirujuk kembali kepada Allah.³

Ubudiyah pula dimaksudkan dengan ibadah kita hanyalah kepada Allah SWT sebagai tuhan yang satu-staunya wajib disembah. Bermakna semua aspek-aspek yang dibangunkan untuk pembangunan itu perlulah diniatkan untuk beribadah kepada Allah SWT. Maka semua usaha pembangunan perlu bertepatan dengan syariat Islam. Dalam erti kata lain, sesuatu program pembangunan perlu diniatkan sebagai sebahagian dari ibadah. Hal ini Bertepatan dengan firman Allah dalam Surah *Adz Zariyat* ayat 67⁴.

Sementara *Khalifah* pula mempunyai taklifan yang disebut sebagai pemakmur bumi dengan menegakkan syiar Islam. Matlamat kekhilafahan itu sendiri dalam konteks pembangunan adalah untuk menegakkan *ustaziatun 'alam*.⁵ Selain itu *Tazkiyyah* yang bermakna suci, memberi gambaran bahawa usaha pembaikan dan pembangunan sesebuah Negara itu tidak sepatutnya mengeneipkan aspek kerohanian dari aspek kebendaan. Disamping cara memperolehi kejayaan di dalam pembangunan itu haruslah dari cara yang dibenarkan Islam. Pendek kata, pembangunan menurut Islam tidak mahu membina kekayaan dan kejayaan Negara tetapi rosak dan pincang dengan akhlak, peningkatan pendapatan tetapi dari sumber yang syubhah dan haram, dan meluas pengiktirafannya tetapi binasa budayanya.

Latar Belakang MUDI

Indeks Pembangunan Ummah atau singkatannya MUDI merupakan buah fikiran Institut Kefahaman Islam Malaysia yang telah pun dibentangkan di persidangan Ekonomi Antarabangsa di Asian Institut of Management, Manila di Universiti Andalas, Padang Indonesia di Langkawi Islamic Finance and Economics (LIFE) international Conference 2009. MUDI adalah cetusan idea Yang Amat Berbahagia Tun Dr Ahmad Sarji Abd Hamid, bekas pengerusi IKIM yang turut dianggotai oleh beberapa ahli akademik dan wakil jabatan kerajaan sebagai ahli jawatankuasa (Jamil Osman : 2010)

¹ Khurshid Ahmad, 1981: 178-179

² Tauhid Zindani Jilid 1

³ Ekonomi Islam Dasar dan Amalan: 322

⁴ ...'Tidak Aku jadikan jin dan MANusia itu semata-mata untuk beribadah kepadaku'

⁵ Rujuk Majmuk Rasail Imam Hassan Al Banna

Tujuan MUDI pada dasarnya adalah bagi mengukur kemajuan dan kemampuan umat Islam di Malaysia bukan saja dari sudut ekonomi malah merangkumi sudut ruhi dan sosial. Secara mudahnya MUDI merupakan satu kayu ukur yang menggabungkan Indeks Pembangunan Ekonomi (IPE), Indeks Pembangunan Sosial (IPS) dan Indeks Pembangunan Rohani (IPR). Manakala bagi setiap indeks tersebut telah diperincikan dengan lebih meluas seperti yang dibentangkan di dalam jadual di bawah:

Jadual 1: Indeks Pembangunan Ekonomi (IPE)

Bil	Subindeks
1	Purata Pendapatan Isi Rumah
2	Pekali Gini
3	Kadar Pengangguran
4	Kadar Kemiskinan
5	Kadar Pemilikan Ekuiti Sektor Korporat
6	Kadar Deposit dalam Sistem Perbankan & Institusi Kewangan Bukan Kewangan
7	Nisbah Kutipan Zakat Per kapita

Jadual 2: Indeks Pembangunan Sosial (IPS)

Bil	Subindeks
1	Kadar Kemasukan/ Enrolmen ke Institusi Pendidikan (Kolej dan Universiti)
2	Kadar Graduan Per 10 000 Penduduk
3	Bilangan Doktor Per 10 000 Penduduk
4	Purata Jangka Hayat
5	Nisbah Perkahwinan
6	Nisbah Perceraian
7	Purata Bilangan Anak

Jadual 3: Indeks Pembangunan Rohani (IPR)

Bil	Subindeks
1	Bilangan Masjid Per 10
2	Bilangan pembayar Zakat Per 10
3	Bilangan Pendeposit di Tabung Haji Per 10
4	Bilangan Profesional Muslim Berdaftar Per 10
5	Bilangan Pelajar di Sekolah Agama yang Berdaftar (Swasta dan Awam) per 10
6	Bilangan Jenayah Integriti Per 10
7	Bilangan Penagih Dadah Per 10

Formula Pengiraan Indeks.

Beberapa kaedah indeks telah dibentuk dan dikira oleh pengaji yang lepas. Antaranya ialah yang telah diguna pakai oleh UPE dan PBB.

1. Formula Perkiraan piawai yang digunakan oleh UPE bagi mengira MQLI⁶:

Perkiraan Markah piawai bagi setiap petunjuk bagi tahun i.

$$\text{Markah piawai Petunjuk (z)} = \frac{(ly(i) - ly(o))}{S}$$

Dimana:

ly(i) = nilai petunjuk dalam tahun i

ly(o) = nilai petunjuk dalam asas

S = sisihan piawai bagi siri data

Z = Markah piawai

Perkiraan indeks bagi setiap komponen pada tahun i.

$$\text{Indeks Untuk Komponen (Ai)} = \frac{\sum Si}{N}$$

Dimana:

Ai = Indeks bagi Komponen

N = bilangan komponen

Perkiraan subindeks bagi setiap petunjuk pada tahun i

$$\text{Subindeks positif} = 100 + (z \cdot 10)$$

$$\text{Subindeks negative} = 100 - (z \cdot 10)$$

2. Formula Perkiraan piawai yang digunakan oleh PBB bagi mengira HDI⁷

$$\text{Nilai Petunjuk} = \frac{\text{Nilai Negara} - \text{Nilai minima}}$$

$$\text{Nilai maksima} - \text{Nilai minima.}$$

Kedua-dua kaedah pengiraan yang digunakan oleh UPE dan PBB dalam mendapatkan nilai z adalah lebih kurang sama. Walaubagaimanapun kaedah pengiraan PBB dilihat tidak boleh dianggap bertaburan normal. Ianya lebih sesuai menggunakan taburan uniform iaitu "range" namun mempunyai tujuan yang sama dengan nilai s didalam kaedah statistic. Isunya ialah, penentuan nilai maksima dan minima perlu dilakukan dengan baik dan penuh justifikasi ekonomi. Ia memerlukan kepakaran kerana jika nilai yang dipilih terlalu besar contohnya kesannya ialah kepada *goal-post* turut menjadi semakin besar dan nilai petunjuk berkemungkinan akan menjadi terlalu kecil.

Keperluan MUDI: Penilaian dalam konteks Maqasid Syariah

Bahagian ini akan membincangkan tentang sejauhmana subindeks yang telah dicadangkan dapat dilihat dari kaca mata keperluan maqasid syaria'ah. Jadual dibawah boleh menerangkan secara ringkas subindeks berserta dimensi yang dilihat telah dapat memenuhi keperluan maqasid.. Jadual di bawah merupakan perincian cadangan elemen yang perlu dilihat dan diukur dalam mengukur pembangunan terhadap individu muslim dari perspektif Maqasid syariah.

Komponen Maqasid	Dimensi	Cadangan elemen
al-Din (Agama)	Meningkatkan ruhi	Aspek keimanan dan tauhid: jumlah masjid, surau, sekolah agama
	Membina diri dengan akhlak mulia	Tahap rasuah; amal ; Perkhidmatan sosial /

⁶ Malaysian Quality Life index berfungsi sebagai kayu ukur untuk perbandingan kualiti hidup rakyat Malaysia dari tahun ke tahun . Kayu ukur kualiti yang digunakan ialah pendapatan, pengagihan, pengangkutan dan komunikasi, kesihatan dan pendidikan

⁷ Nilai HDI ialah purata bagi empat petunjuk yang dikira dari 3 subindeks iaitu jangkaan hayat, pendidikan dan KDNK per kapita.

		kerja sukarela
	Mempraktikkan ajaran agama	Solat 5 waktu, membayar Zakat
al-Aql (Akal)	Mengoptimumkan akal	pekerjaan; Peluang Penyelidikan; Kebebasan bersuara dan berfikir
	Membangunkan intelek (pembangunan fizikal otak)	penjagaan kesihatan; Penyediaan makanan dan minuman yang sihat ; Pencemaran Alam Sekitar
	Kehebatan bukan fizikal / mental) Membangunkan intelek	Keadaan kesihatan mental; Pendidikan; Akses kepada Internet
	Menjaga fikiran dari pengaruh-pengaruh negatif (misalnya .arak , ubat-ubatan , tahayul)	Media ; Tindakan terhadap minuman keras ; Kegiatan jenayah / Haram
al-Nafs (Nyawa)	Keperluan asas (physical)	Penyediaan makanan, air, elektrik , kemudahan , kesihatan, perumahan; Kesejahteraan material; Bermakna untuk mencari nafkah
	Keperluan asas (spiritual)	Pendidikan (agama dan bukan agama)
	Keperluan moral	Tadbir urus yang baik ; Hak asasi manusia; Hakim Negara; kebebasan politik
	Keperluan sosial	Keadilan sosial; Institusi perkahwinan / keluarga ; kehidupan masyarakat
	Perlindungan dari ancaman (Manusia)	Keselamatan awam; Kestabilan politik dan keamanan
	Perlindungan dari ancaman (bukan manusia)	Penjagaan kesihatan pencegahan; perkhidmatan perubatan
al-Mal (Harta)	Perlindungan hak milik dan harta	Hak milik ; Akses kepada Badan Kehakiman ; perundang-undangan
	Perlindungan kekayaan dan harta benda daripada kerosakan / Pencegahan bahaya dan kesusahan dalam kekayaan dan kewangan	Insurans
	Pemeliharaan kekayaan melalui perlindungan nilai	Kestabilan Harga
	Pemeliharaan kekayaan melalui pengagihannya	Pengantara kewangan;
	Perolehan dan pengembangan harta / kekayaan	Undang-undang pekerjaan ; adanya kekayaan
al-Nasl (Keturunan)	Kelangsungan hidup dan perkembangan keluarga	Institusi perkahwinan / keluarga ; Keselamatan awam; Keselamatan hidup
	Perlindungan generasi yang akan datang	Kelestarian lingkungan ; kemampunan ekonomi
	Perlindungan keturunan	Kesihatan reproduktif; kematian kanak-kanak
	Pembangunan generasi akan datang	Pendidikan; Literasi

Sumber: Ruzita Mohd Amin, Selamah Abdullah Yusof, Mohamed Aslam Haneef, Mustafa Omar Muhammad and Gapur Oziev The Integrated Development Index (I-Dex): A New Comprehensive Approach To Measuring Human Development

Pembahagian petunjuk indeks dibahagian mengikut lima komponen maqasid syariah iaitu untuk menjaga agama, akal, nyawa, harta dan keturunan. Jika diperhalusi, didapati terdapat beberapa

cadangan elemen yang telah pun dicadangkan didalam MUDI seperti yang di cadangkan IKIM. Mungkin penambahan elemen seperti membina diri dengan akhlak yang mulia yang mengukur tahap rasuah di Malaysia. Elemen ini dilihat signifikan untuk dilihat kerana rasuah merupakan antara faktor kerosakan yang boleh diukur. Kajian oleh Ruzita Mohd Amin, Selamah Abdullah Yusof, Mohamed Aslam Haneef, Mustafa Omar Muhammad and Gapur Oziev juga mencadangkan data daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sangat membantu untuk mengukur faktor ini.

Turut menjadi penekanan dalam mengukur pembangunan ummah itu sendiri ialah pungutan dan aihan zakat. Bagi mengendalikan prinsip ekonomi ummah kaedah dan alat yang berkesan diperlukan dan alat tersebut dibahagikan kepada empat iaitu zakat, mudharabah, penghapusan riba, dan penghapusan pembaziran (Choudry 1986: 14-17). Manakala Kahf (1989: 78-81) menambahkan empat alat lagi iaitu jaminan social, jaminan hutang, pewarisan dan peranan Negara. Sementara Saefuddin (1984:25-36) memasukkan satu lagi alat yang tidak dibincangkan iaitu kerjasama ekonomi. Melalui zakat, agihan terhadap pendapatan dan kekayaan ummah dapat diagihkan dengan lebih adil dan saksama. Perlunya pengukuran terhadap pungutan dan agihan tersebut dilihat bukan seperti cukai. Hal ini kerana cukai lebih merupakan ketetapan pemerintah. Adanya zakat menjadikan seseorang tidak akan menyimpan hartanya secara beku (digunakan untuk pelaburan dan perbelanjaan seterusnya dapat merencanakan ekonomi ummah) kerana tindakan membekukan simpanan akan menyebabkan 2.5% zakat akan dikenakan keatas simpanannya.. Simpanan wadi'ah di bank bukan saja tidak dapat mengembangkan jumlahnya (kerana riba adalah dilarang) tetapi juga boleh mengurangkannya akibat penggunaan zakat.

Berkenaan riba yang dicadangkan digantikan dengan perkongsian untung rugi melalui mudharabah dalam mengukur Kadar Deposit dalam Sistem Perbankan & Institusi Kewangan Bukan Kewangan. Alternative ini dilihat lebih bersih dari riba. Dalam ekonomi ummah, hanya kos sebenar seperti yang ditentukan kos pengeluaran dikira sebagai pampasan kepada susut nilai modal dan bukan untuk kos spekulasi (choudry 1986: 15). Oleh itu kadar keuntungan lebih tepat jika dibandingkan dengan kadar bunga dalam menilai dan mengukur kos iaitu melalui mudharabah. Pulangan yang tinggi

Kesimpulan

Matlamat yang hendak dicapai melalui pembangunan ini ialah merangkumi aspek ekonomi, jasmani dan spiritual. Maka adalah sesuatu yang sangat dituntut bahawa apa yang hendak diukur itu bukanlah semata-mata berdasarkan aspek fizikal dan teknikal sahaja. Oleh itu jika diperhalusi elemen-elemen yang terlibat di dalam MUDI telah terangkup ekonominya, jasmiani dan ruhnya. Dengan penambahbaikan dari kajian yang dilakukan oleh para penyelidik lain akan menjadi kayu ukur bagi pembangunan ummah itu semakin jelas dan menyeluruh. Diakui bahawa sememang merupakan satu perkara yang agak sukar untuk mengukur indeks yang agak subjektif seperti keimanan dan keikhlasan seseorang. Namun sekurang-kurangnya pengukuran telah dijalankan dengan landasan dan indicator yang betul seterusnya dapat mengukur pembangunan ummah dengan lebih tepat dan praktikal.

Usaha membangunkan indeks pembangunan ummah dilihat bakal memberi implikasi besar kepada dunia penyelidikan. Pertama, MUDI akan membolehkan aspek-aspek yang sesuai diukur boleh diukur bagi melihat pembangunan umat Islam itu sendiri. Kedua, dengan adanya indeks yang telah dimajukan ini dapat menjadi bukti Malaysia komited dalam usahanya memajukan umat Islam merangkumi pembangunan ekonomi, pembangunan social dan pembangunan rohani.

Rujukan

Ruzita Mohd Amin, Selamah Abdullah Yusof, Mohamed Aslam Haneef, Mustafa Omar Muhammad Dan Gapur Oziev *The Integrated Development Index (I-Dex): A New Comprehensive Approach To Measuring Human Development* (2013)

Scheherazade S. Rehman Dan Hossein Askari, *How Islamic Are Islamic Countries?* (2010), *Global Economics Journal*

Mbhendrie Anto, Introducing An Islamic Human Development Index (I-Hdi) To Measure Development In Oiccountries, *Islamic Economic Studies*, Vol. 19 No.2

Asan Ali G., H. Fauzi Hussin Dan W. A. Wan Omar , The Trend Analysis Of Islamization In Malaysia Using Islamization Index As Indicator ,
Asian Economic And Financial Review, 2014, 4(10): 1298-1313

Professor Jeremy Magruder Religion And Economic Development- A Study On Religious Variables Influencing Gdp Growth Over Countries
University Of California, Berkeley
April 29, 201

Dr. Adel Sarea Zakat As A Benchmark To Evaluate Economic Growth: An Alternative Approach,
International Journal Of Business And Social Science Vol. 3 No. 18 [Special Issue September 2012]

Jamil Osman, Mampukah MUDI Menjadi Pegukur Kemajuan Ekonomi Untuk MBE, Model Ekonomi Bari Tinjauan dari Perspektif Islam. 2010 (23-40) IKIM

Surtahman KAstin HAsan dan Sanep Ahmad. Ekonomi Dasar dan Amalan . Dewan Bahasa danPustaka, Kuala Lumpur, (2005)